

**MEDIA SOSIAL DAN JENAYAH SIBER DALAM
KALANGAN WANITA MUDA MELAYU DI
PULAU PINANG**

NORHAYATI BINTI MAT GHANI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**MEDIA SOSIAL DAN JENAYAH SIBER DALAM
KALANGAN WANITA MUDA MELAYU DI
PULAU PINANG**

oleh

NORHAYATI BINTI MAT GHANI

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

November 2020

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah dan izin-Nya, telah memberi ilham dan kekuatan kepada saya bagi menyempurnakan tesis doktor falsafah ini dengan jayanya. Ucapan terima kasih khas saya tujukan kepada penyelia saya, Prof. Dr. Suriati Ghazali yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya bagi menyempurkan tesis ini. Galakan yang berikan, memberi suntikan semangat kepada saya untuk menumpu sepenuh perhatian agar tesis ini dapat dikendalikan dengan sempurna. Nasihat dan pertolongan beliau hanya Allah s.w.t saja yang dapat membalasnya.

Penghargaan khas juga dirakamkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang telah menyediakan pembiayaan di bawah program MyBrain15. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia yang telah membiayai sebahagian daripada penyelidikan kajian ini melalui geran RU TOP-DOWN (1001/CSL/870022) bertajuk “Crime and Public Safety” di bawah sub-tajuk “Youth, Media and Crime”.

Penghargaan ini juga ditujukan buat suami tercinta Mohd Hafiz bin Talib yang banyak memberikan dorongan dan pandangan sehingga tesis ini dapat disiapkan sepenuhnya. Pengorbananmu ku simpul menjadi ingatan yang tidak akan terpadam dalam hati. Tidak dilupakan juga buat anakanda tercinta Nurhadirah Husna yang sangat memahami sepanjang Mammy menyiapkan tesis ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada ibu tersayang, Zainun binti Omar dan arwah abah Mat Ghani B. Derasa yang sentiasa mendoakan kejayaan buat diri ini. Jasa dan pengorbanan kalian akan tetap anakanda kenang dan sesungguhnya tidak akan terbalas oleh

anakanda. Semoga kalian sentiasa dimurahkan rezeki dan dalam rahmat Allah hendaknya. Buat sahabat seperjuangan Hafizah, Azmeer, Norizan dan Anis terima kasih diucapkan kerana membantu memberi sumbangan idea dan tempat berkongsi tekanan sepanjang pengajian ini. Kemesraan dan keprihatinan yang kalian berikan menjadi azimat dalam meneruskan dan menempuh dugaan sepanjang menyiapkan tesis. Penghargaan juga ditujukan kepada dua orang Pegawai Polis, iaitu Pegawai Polis 1 dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Pulau Pinang dan Pegawai Polis 2 dari Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang yang sudi berkongsi maklumat tentang senario jenayah siber di Pulau Pinang. Maklumat yang diberikan banyak membantu saya semasa menyiapkan tesis ini.

Akhir kata, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan tesis ini. Jasa, keringat, pengorbanan yang dihulurkan amat dihargai dan hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih.

Norhayati Binti Mat Ghani

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,

11800 Universiti Sains Malaysia,

Pulau Pinang

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI FOTO	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
ABSTRAK	xviii
ABSTRACT	xx
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Isu dan Permasalahan Kajian.....	3
1.3 Persoalan Kajian.....	10
1.4 Objektif Kajian.....	11
1.5 Definisi Terma.....	11
1.5.1 Media Sosial.....	11
1.5.2 Jenayah Siber.....	12
1.5.3 Wanita Muda.....	12
1.5.4 Kerentanan.....	13
1.6 Skop dan Batasan Kajian.....	13
1.7 Kepentingan Kajian.....	14
1.8 Organisasi Kajian.....	15
1.9 Kesimpulan.....	17
BAB 2 MEDIA SOSIAL DAN JENAYAH SIBER	18
2.1 Pengenalan.....	18
2.2 Manfaat Media Sosial.....	18
2.3 Penggunaan Media Sosial.....	22

2.3.1	Penggunaan Media Sosial Di Dunia	22
2.3.2	Penggunaan Media Sosial Di Malaysia.....	26
2.4	Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Wanita.....	30
2.5	Statistik Jenayah Siber	33
2.5.1	Jenayah Siber di Malaysia.....	35
2.5.2	Jenayah Siber di Pulau Pinang	37
2.5.3	Statistik Jenayah Siber Terhadap Wanita di Pulau Pinang	43
2.6	Tingkah laku Penggunaan Media Sosial dan Risiko Jenayah Siber.....	46
2.7	Jenis Jenayah Siber yang Kerap Berlaku Terhadap Wanita.....	53
2.7.1	Penipuan.....	53
2.7.1(a)	Penipuan Belian Dalam Talian	53
2.7.1(b)	Penipuan Cinta Siber	55
2.7.1(c)	Macau Scam	59
2.7.2	Penggodaman dan Kecurian Identiti	61
2.7.3	Gangguan Siber.....	63
2.7.3(a)	Buli Siber.....	63
2.7.3(b)	Pornografi dan Gangguan Seksual	66
2.7.3(c)	Ugutan	72
2.8	Isu Perilaku Negatif dan Pengalaman Jenayah Siber Terhadap Golongan Wanita dalam Akhbar Berita Harian Januari 2017 hingga Jun 2017	73
2.9	Kerentanan Wanita Terhadap Jenayah Siber.....	81
2.10	Kesan Jenayah Siber Terhadap Emosi Wanita.....	86
2.11	Undang-undang berkaitan Keselamatan Siber	88
2.12	Teori Berkaitan Media Sosial dan Kesannya Kepada Pengguna	91
2.12.1	Teori Kognitif Sosial.....	91
2.12.2	Teori Kebergantungan Media	95
2.13	Kerangka Konsep Kajian	98

2.14	Kesimpulan.....	102
BAB 3	METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN.....	103
3.1	Pengenalan	103
3.2	Pemilihan Kawasan Kajian	103
3.2.1	Mukim 13	108
3.2.2	Mukim 4	111
3.3	Kaedah Persempelan	113
3.3.1	Persempelan Bertujuan.....	114
3.3.2	Persempelan Bola Salji	115
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	116
3.4.1	Kaedah Kuantitatif	116
3.4.1(a)	Borang Kaji Selidik	116
3.4.2	Kaedah Kualitatif	119
3.4.2(a)	Kaedah Temu Bual	119
3.4.2(b)	Kaedah Pemerhatian	127
3.4.2(c)	Perbualan Melalui WhatsApp dan E-mel	128
3.5	Pemilihan Responden	130
3.6	Kajian Rintis.....	134
3.7	Merekod Data	134
3.8	Klasifikasi Data Berdasarkan MyCERT	135
3.9	Analisis Data	136
3.9.1	Analisis Data Kuantitatif.....	136
3.9.1(a)	Analisis Data Berbentuk Deskriptif.....	136
3.9.1(b)	Teknik Kod Semula (<i>Recode</i>).....	137
3.9.1(c)	Analisis Penjadualan Silang (<i>Crosstabulation</i>).....	137
3.9.2	Analisis Data Kualitatif Secara Analisis Kandungan (<i>Content Analysis</i>).....	138
3.10	Etika Penyelidikan.....	139

3.10.1	Menjaga Hak-Hak Peribadi Responden.....	139
3.10.2	Merahsiakan Identiti Responden.....	140
3.10.3	Menggunakan Laras Bahasa Mudah Difahami	140
3.11	Kesimpulan.....	141
BAB 4	TINGKAH LAKU PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN KAITANNYA DENGAN JENAYAH SIBER TERHADAP WANITA MUDA	142
4.1	Pengenalan	142
4.2	Latar Belakang Responden.....	142
4.2.1	Umur Responden.....	142
4.2.2	Tahap Pendidikan Responden	143
4.2.3	Status Sosio Ekonomi Responden.....	144
4.2.4	Kategori Responden masih Belajar	144
4.2.5	Pekerjaan Responden	145
4.2.6	Status Perkahwinan Responden	146
4.3	Jenis Media Sosial dan Jenayah Siber	147
4.3.1	Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Responden	147
4.3.2	Penggunaan Media Sosial Mengikut Kawasan Kajian	149
4.3.3	Jenis Media Sosial dan Jenayah Siber.....	151
4.3.4	Jumlah Responden Menjadi Mangsa Jenayah Siber Mengikut Kawasan Kajian.....	153
4.3.5	Profil Demografi Responden dan Jenayah Siber	155
4.4	Kategori Umur Mula Menggunakan Media Sosial dan Risiko Jenayah Siber.....	158
4.5	Pemilihan Rangkaian Internet dan Risiko Jenayah Siber.....	162
4.6	Kekerapan Menggunakan Media Sosial dan Risiko Jenayah Siber	167
4.7	Aktiviti Paling Kerap Dilakukan dan Risiko Jenayah Siber	171
4.8	Tingkah Laku Penerimaan Kenalan Baharu dan Risiko Jenayah Siber	175

4.9	Profil Demografi Responden dan Aspek Penting Dalam Tingkah Laku.....	180
4.10	Kesimpulan.....	183
BAB 5 PENGALAMAN JENAYAH SIBER WANITA MUDA		185
5.1	Pengenalan	185
5.2	Profil Pengalaman Responden dan Kenalan Terdekat dalam Jenayah Siber.....	185
5.2.1	Profil Pengalaman Responden	185
5.2.1(a)	Kejadian Jenayah Siber Responden Mengikut klasifikasi MyCERT	186
5.2.1(b)	Jenis Jenayah Siber Berdasarkan Kawasan Kajian.....	187
5.2.1(c)	Keterangan Berkaitan Jenayah Siber	189
5.2.1(d)	Elemen Demografi dan Jenis Jenayah Siber.....	191
5.2.2	Profil Pengalaman Kenalan Terdekat Responden.....	194
5.2.2(a)	Jumlah Kenalan Terdekat Responden Menjadi Mangsa Jenayah Siber	194
5.2.2(b)	Kejadian Jenayah Siber Kenalan Terdekat Responden Mengikut klasifikasi MyCERT.....	195
5.2.2(c)	Keterangan Berkaitan Jenayah Siber	196
5.3	Analisis Pengalaman Jenayah Siber yang Dialami oleh Responden dan Kenalan Mereka.....	198
5.3.1	Penipuan.....	198
5.3.1(a)	Ditipu oleh Penjual dalam Talian	199
5.3.1(b)	Ditipu oleh Pembeli dalam Talian.....	209
5.3.1(c)	Ditipu Oleh Kenalan Lelaki di Media Sosial.....	212
5.3.1(d)	Penipuan Cinta Siber oleh Sindiket Antarabangsa	218
5.3.1(e)	Macau Scam	221
5.3.2	Gangguan Siber	223
5.3.2(a)	Gangguan Seksual	223

5.3.2(b)	Buli Siber.....	237
5.3.3	Digodam.....	249
5.3.3(a)	Akaun Digodam untuk Tujuan Mengugut dan Memalukan Mangsa	249
5.3.3(b)	Akaun Digodam untuk Berkongsi Video Pornografi	252
5.3.3(c)	Akaun Digodam untuk Melariskan Perniagaan Penggodam	255
5.3.3(d)	Akaun Digodam untuk Menipu dan Menfitnah.....	257
5.4	Kesimpulan.....	260
BAB 6 KESAN JENAYAH SIBER TERHADAP WANITA MUDA		262
6.1	Pengenalan	262
6.2	Kesan Jenayah Siber kepada Responden	262
6.2.1	Kesan kepada Emosi	263
6.2.2	Kesan Kepada Perhubungan Antara Responden dan Pelaku	270
6.2.3	Kesan Kepada Keagamaan.....	274
6.2.4	Kesan Kepada Pembelajaran.....	277
6.2.5	Kesan Kepada Keluarga.....	279
6.3	Langkah Respoden untuk Mengelak daripada Menjadi Mangsa Jenayah Siber.....	283
6.3.1	Lebih peka dalam urusan membeli atau menjual produk dalam talian	284
6.3.2	Lebih berhati-hati Ketika Mengakses Media Sosial	287
6.3.3	Membataskan Aktiviti di Media Sosial.....	290
6.3.4	Membataskan Pergaulan dengan Lelaki di Media Sosial	293
6.3.5	Memantau Orang Terdekat	296
6.4	Kesan Jenayah Siber Kepada Impak Polisi	299
6.4.1	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia	299
6.4.2	CyberSecurity Malaysia	300

6.4.3	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	302
6.4.4	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	303
6.5	Kesimpulan.....	304
BAB 7	PENUTUP	305
7.1	Pengenalan	305
7.2	Rumusan Hasil Kajian.....	305
7.2.1	Rumusan terhadap Objektif 1: “Mengetahui pasti tingkah laku yang mendedahkan wanita muda kepada risiko jenayah siber”	305
7.2.2	Rumusan Terhadap Objektif 2: “Mengetahui pasti pengalaman jenayah siber dalam kalangan wanita muda Melayu di Pulau Pinang”	308
7.2.3	Rumusan terhadap Objektif 3: “Menganalisis kesan jenayah siber kepada wanita muda”	311
7.3	Implikasi Teori dan Konsep	314
7.4	Sumbangan Hasil Kajian	318
7.5	Cadangan Polisi Berkaitan Cara Mengurangi Jenayah Siber terhadap Wanita Muda	321
7.6	Cadangan Penyelidikan Lanjutan.....	322
7.7	Kesimpulan.....	323
	SENARAI RUJUKAN	325

LAMPIRAN

SENARAI PENERBITAN

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1.1	Insiden Jenayah Siber di Pulau Pinang, Tahun 2017 - 2019	6
Jadual 2.1	Penggunaan Media Sosial Di Dunia Pada Tahun 2007.....	23
Jadual 2.2	Kategori Umur Pengguna Media Sosial Secara Global Pada Tahun 2020.....	26
Jadual 2.3	Media Sosial yang Digunakan oleh Pengguna Malaysia, 2018	29
Jadual 2.4	Kejadian Jenayah Siber Menurut MyCert (2012- 2017)	35
Jadual 2.5	Statistik Jenayah Siber di Negeri Maju di Malaysia Pada tahun 2019	37
Jadual 2.6	Jumlah Jenayah Siber di Pulau Pinang	38
Jadual 2.7	Jenayah Siber Di Pulau Pinang Mengikut Kategori Umur Bagi Tahun 2018 dan 2019.....	40
Jadual 2.8	Jumlah Kes Jenayah Siber dan Kerugian Bagi Tahun 2018 dan Tahun 2019.....	42
Jadual 2.9	Jenis-jenis Jenayah Siber yang Berlaku Terhadap Wanita Di Pulau Pinang Tahun 2019.....	44
Jadual 2.10	Jenis-jenis Jenayah Siber yang Berlaku Terhadap Wanita Di Pulau Pinang Tahun 2018.....	44
Jadual 2.11	Statistik Jenayah Siber Terhadap Wanita di Pulau Pinang Mengikut Kategori Umur Tahun 2018 dan 2019.....	46
Jadual 2.12	Pengalaman dan Kekerapan Berita Mengenai Perilaku Negatif dan Jenayah Siber dalam Akhbar	

	<i>Berita Harian</i> Sepanjang Bulan Januari hingga Jun 2017.....	75
Jadual 2.13	Kesan Jenayah Buli kepada Mangsa	87
Jadual 3.1	Kadar Penembusan Jalur Lebar Per 100 Penduduk Mengikut Negeri	104
Jadual 3.2	Kadar Penggunaan Telefon Bimbit Mengikut Negeri (2016 dan 2017)	105
Jadual 3.3	Soal selidik Bahagian A	117
Jadual 3.4	Soal selidik Bahagian B	117
Jadual 3.5	Soal selidik Bahagian C	118
Jadual 3.6	Soal selidik Bahagian D	119
Jadual 3.7	Profil Responden yang Ditemu Bual Secara Mendalam.....	120
Jadual 3.8	Kejadian Jenayah Siber Mengikut Klasifikasi MyCERT	136
Jadual 4.1	Umur Responden.....	143
Jadual 4.2	Tahap Pendidikan Responden	143
Jadual 4.3	Status Sosio Ekonomi Responden.....	144
Jadual 4.4	Kategori Responden masih Belajar	145
Jadual 4.5	Pekerjaan Responden	146
Jadual 4.6	Status Perkahwinan Responden	146
Jadual 4.7	Responden yang Mempunyai Akaun Media Sosial Mengikut Tempat Tinggal.....	150
Jadual 4.8	Jenis Media Sosial dan Jenayah Siber.....	152
Jadual 4.9	Responden yang Pernah Menjadi Mangsa Jenayah Siber	153
Jadual 4.10	Profil Demografi Responden dan Jenayah Siber	157

Jadual 4.11	Kategori Umur Mula Menggunakan Media Sosial dan Jenayah Siber.....	160
Jadual 4.12	Pemilihan Alatan Komunikasi untuk Mengakses Media Sosial.....	163
Jadual 4.13	Rangkaian Internet yang Digunakan dan Jenayah Siber	165
Jadual 4.14	Anggaran Kekerapan Penggunaan media sosial (sehari) dan Jenayah Siber	169
Jadual 4.15	Anggaran masa (jam sehari) Responden Menggunakan media sosial dan Jenayah Siber.....	170
Jadual 4.16	Jenis Aktiviti Kerap Dilakukan Ketika Melayari Media Sosial dan Jenayah Siber.....	172
Jadual 4.17	Tingkah Laku Penerimaan Responden Terhadap Kenalan Baharu Dan Jenayah Siber.....	176
Jadual 4.18	Demografi Responden dan Aspek Tingkah Laku	181
Jadual 5.1	Kejadian Jenayah Siber Responden Mengikut Klasifikasi MyCERT.....	187
Jadual 5.2	Jenis Jenayah Siber yang Dialami Responden.....	189
Jadual 5.3	Keterangan Jenayah Siber yang Dialami Responden.....	189
Jadual 5.4	Profil Demografi Responden dan Jenis Jenayah Siber	193
Jadual 5.5	Kenalan Terdekat Responden yang Pernah Menjadi Mangsa Jenayah Siber.....	195
Jadual 5.6	Kejadian Jenayah Siber Responden Mengikut Klasifikasi oleh MyCERT.....	196
Jadual 5.7	Keterangan Jenayah Siber yang Dialami Kenalan Terdekat Responden.....	197
Jadual 5.8	Kategori Ditipu.....	199

Jadual 5.9	Kategori Gangguan Seksual dan Melakukan Hubungan Seks	224
Jadual 5.10	Kategori Dibuli.....	238
Jadual 5.11	Kategori Digodam.....	249
Jadual 6.1	Kesan Jenayah Siber	263
Jadual 6.2	Jenayah Siber Meninggalkan Kesan Emosi kepada Responden.....	264
Jadual 6.3	Jenayah Siber Meninggalkan Kesan Perhubungan kepada Responden.....	271
Jadual 6.4	Jenayah Siber Meninggalkan Kesan Keagamaan kepada Responden.....	274
Jadual 6.5	Jenayah Siber Meninggalkan Kesan Pembelajaran kepada Responden.....	277
Jadual 6.6	Jenayah Siber Meninggalkan Kesan kepada Keluarga Responden	280
Jadual 6.7	Langkah Responden untuk Mengelak daripada Menjadi Mangsa Jenayah Siber	284
Jadual 6.8	Tindakan Responden Kesan daripada Jenayah Siber.....	301

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 1.1	Insiden Jenayah Siber di Malaysia, Tahun 2015 – 2019.....	5
Rajah 2.1	Jumlah Pengguna Media Sosial Di Dunia Pada Tahun 2019.....	25
Rajah 2.2	Statistik Penggunaan Media Sosial di Malaysia (Mei 2017 – Mei 2018).....	28
Rajah 2.3	Jenayah Siber terhadap Wanita di Seluruh Dunia, 2017.....	49
Rajah 2.4	Ajakan Melakukan Hubungan Seks.....	69
Rajah 2.5	Teori Kognitif Sosial.....	93
Rajah 2.6	Kerangka Konseptual Kajian.....	100
Rajah 3.1	Lokasi Kajian.....	108
Rajah 4.1	Jumlah Responden yang Mempunyai Akaun Media Sosial.....	148
Rajah 5.1	Perbualan antara Responden dan Penjual.....	202
Rajah 5.2	Perbualan antara Responden dan Penjual.....	202
Rajah 5.3	<i>Tracking Number</i> yang Diberikan Penjual Menunjukkan Tiada Rekod Ditemui.....	203
Rajah 5.4	Perbualan dalam Whatsapp Antara Responden Dengan Lelaki yang Mengajaknya Berkahwin.....	216
Rajah 6.1	Responden Menunjukkan Perbezaan Ukuran Saiz Baju yang Baharu dibeli dan Ukuran Baju Lamanya.....	266
Rajah 7.1	Teori Kebergantungan Media yang telah diubahsuai daripada Rokeach dan DeFleur (1976).....	312
Rajah 7.2	Model konseptual teori kognitif sosial yang telah diubahsuai daripada Bandura, 1989.....	315

SENARAI FOTO

Muka Surat

Foto 3.1	Restoran Nasi Kandar Di Sungai Dua Menyediakan Perkhidmatan Wifi Secara Percuma Selama 24 Jam	110
Foto 3.2	Kedai Makanan Segera Di Sungai Dua Menyediakan Perkhidmatan Wifi Secara Percuma Selama 24 Jam	111
Foto 3.3	Aktiviti Ekonomi di Kg Permatang Rambai	112
Foto 3.4	Aktiviti Ekonomi di Sekitar Taman Penaga.....	112

SENARAI SINGKATAN

AP	Access Points
BNM	Bank Negara Malaysia
COD	Cash of Delivery
CSM	Cyber Security Malaysia
IYRES	Institute for Youth Research Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JSJK	Jabatan Siasatan Jenayah Komersil
KAFA	Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
MAP	Malaysian Against Pornografi
MyCERT	Malaysian Computer Emergency Response Team
PC	Personal Computer
PDRM	Polis Diraja Malaysia
RUU	Rang Undang-undang
SMS	Khidmat Pesanan Ringkas
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

MEDIA SOSIAL DAN JENAYAH SIBER DALAM KALANGAN WANITA MUDA MELAYU DI PULAU PINANG

ABSTRAK

Media sosial telah membawa banyak kemudahan kepada masyarakat terutamanya dalam aspek perhubungan dan komunikasi. Namun, individu atau kumpulan tertentu telah menyalahgunakan media sosial ini sebagai platform untuk mereka melakukan kegiatan jenayah, terutamanya kepada golongan wanita muda. Wanita muda menggemari aktiviti dalam talian seperti memuat naik gambar, melakukan pembelian dan berkenalan dengan rakan baharu. Aktiviti seperti ini telah mendedahkan mereka kepada risiko jenayah siber. Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji tingkah laku yang mendedahkan wanita muda kepada risiko jenayah siber, mengkaji pengalaman jenayah siber dalam kalangan wanita muda Melayu di Pulau Pinang dan menganalisis kesan jenayah siber kepada wanita muda. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Seramai 150 orang responden dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dan bola salji bagi menjawab borang kaji selidik. Sementara itu, 20 orang responden yang menjadi mangsa jenayah siber dipilih dalam kalangan responden yang menjawab borang kaji selidik untuk ditemu bual secara mendalam. Kajian ini tertumpu kepada dua kawasan, iaitu Mukim 13, mewakili kawasan bandar dan Mukim 4 mewakili kawasan luar bandar. Maklumat kuantitatif dianalisis secara deskriptif, menggunakan teknik pengkodan dan penjadualan silang. Maklumat kualitatif hasil temu bual mendalam pula dianalisis menggunakan analisis kandungan. Analisis berjaya menemui tingkah laku penggunaan media sosial dalam kalangan wanita muda telah mendedahkan mereka kepada risiko jenayah siber. Tingkah laku penggunaan media sosial turut dipengaruhi

oleh faktor persekitaran seperti keperluan untuk menggunakan media sosial dan faktor individu, iaitu sikap wanita muda ketika menggunakan media sosial menyebabkan mereka rentan terhadap jenayah siber. Kajian menemui jenayah siber yang berlaku terhadap wanita muda ialah penipuan, gangguan siber dan pencerobohan. Jenayah penipuan kebanyakannya adalah melibatkan pembelian dalam talian. Jenayah gangguan siber pula adalah seperti gangguan seksual, dimaki, dihina, diugut, dimalukan dan dibuli. Gangguan seksual merupakan insiden gangguan siber yang kerap berlaku terhadap wanita muda. Manakala jenayah pencerobohan pula melibatkan penggodaman terhadap gambar yang dimuat naik. Kajian turut mendapati insiden jenayah siber meninggalkan kesan kepada wanita muda khususnya dari sudut emosi. Kajian ini menyumbang kepada pengetahuan tentang senario jenayah siber terhadap wanita muda melalui interaksi antara faktor tingkah laku, faktor persekitaran, faktor individu dan faktor kerentanan yang saling berkait antara satu sama lain dan membawa mereka kepada persekitaran jenayah siber. Kajian juga dapat memberi maklumat kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengenal pasti jenayah siber terhadap golongan wanita muda dan merangka kembali strategi untuk mengurangkan insiden ini.

SOCIAL MEDIA AND CYBER CRIME AMONG MALAY YOUNG WOMEN IN PENANG

ABSTRACT

Social media bring a lot of convenience to society, especially in terms of personal interaction and communication. However, certain individuals and groups have misused the social media making it a platform to engage in criminal activity, especially to young women. Young women adore with online activities such as uploading photos, making online purchases and getting to know new friends. These activities expose them to cybercrime risks. The objectives of this study are to investigate the behaviour that exposes young woman to risks of cybercrime, to investigate the experience of cybercrime among Malay young women in Penang and to analyse the impact of cybercrime against young women. This study uses qualitative and quantitative methods. A total of 150 respondents were selected using a purposive and snowball sampling technique to answer the survey form. Meanwhile, 20 respondents who were victims of cyber crime were selected among the respondents who answered the survey form for in-depth interviews. This study focuses on two areas, that is Mukim 13, represents for urban areas and Mukim 4 represents for rural areas. Quantitative data were analysed using descriptive, coding techniques and cross tabulations. Qualitative data from in-depth interviews was analyzed using content analysis. The findings shows that the behavioral factors influence cybercrime among young women. Behavior of social media use is also influenced by environmental factors such as the need to use social media and individual factors, such as, the attitude of young women while using social media which makes them vulnerable to cybercrime. Studies have found that cybercrime

against young women is fraud, cyber harassment and intrusion. Fraud incidents mostly involve in online purchases. Cyber harassment include sexual harassment, insulting, threatening, humiliation and bullying. Sexual harassment is a repeated incident of cyber harassment against young women. Meanwhile, intrusion involves the hacking of uploaded pictures. Studies also found that cybercrime incidents have an impact on young women, especially on emotions. This study contributes to the knowledge of cyber crime scenarios against young women through the interaction between behavioral factors, environmental factors, individual factors and vulnerability factors that are interrelated with each other and lead them to the cyber crime environment. The study also provide information to the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), and the Royal Malaysian Police (PDRM) to identify cybercrime against young women and redesign strategies to reduce this incident.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Media sosial tergolong dalam satu budaya global baharu yang menjadi tempat orang awam di seluruh dunia untuk berinteraksi. Media sosial juga membawa orang ramai dari budaya yang berbeza untuk bersama-sama dalam “kampung global” (Wolak et al., 2004; Sawyer & Chen, 2012). Pengguna media sosial dalam kampung global ini bebas untuk datang dan pergi sesuka hati tanpa terikat dengan peraturan serta syarat yang ditetapkan dalam talian (Steinkuehler & Williams, 2006; Siti Ezaleila, 2016). Hal ini menjadikan media sosial sangat fleksibel kepada orang awam dan mampu menarik minat mereka untuk menggunakannya. Media sosial juga banyak membantu dalam menyelesaikan pelbagai urusan harian seperti untuk berkomunikasi, menyampaikan maklumat dan menjalankan urusan menjual atau membeli barang dalam talian (Nielsen, 2011; Bakshy et al., 2012; Farhan et al., 2015).

Rangkaian media sosial telah mengubah kehidupan manusia sejangat daripada pelbagai aspek termasuk jenayah. Teknologi komunikasi telah membolehkan munculnya kesalahan jenayah baharu apabila jenayah sedia ada ‘berpindah’ kepada jenayah dalam talian (Yar, 2012; Morselli, 2010). Dengan kemajuan teknologi, berlaku perubahan dalam tingkah laku jenayah dan cara jenayah dilakukan (Criminal Typologies, 2008). Menurut Yar (2012), kemajuan teknologi memberi kesan kepada tingkah laku, iaitu teknologi komunikasi menjadikan media dan budaya popular sebagai komponen yang memberi pengaruh besar terhadap tingkah laku pesalah, teknologi komputer mewujudkan saluran baharu dan peluang kepada tingkah laku jenayah dan teknologi mengubah kaedah dan jenis jenayah yang dilakukan. Penjenayah siber bijak mengeksploitasi dunia digital untuk memudahkan perlakuan

jenayah yang didokong teknologi seperti kecurian identiti, penipuan kad pembayaran dan kecurian harta intelek (Mohd Dahlan & Ida Shafinaz, 2010). Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) menganggap jenayah teknologi tinggi sebagai jenayah paling penting yang dihadapi oleh United States (Finklea & Theohary, 2015). Dilaporkan sebanyak 81 peratus jenayah internet berlaku dimulakan dengan rangkaian media sosial terutamanya Facebook dan Twitter. Menurut laporan GO-Gulf¹ (2013) sebanyak 556 juta pengguna media sosial di dunia dilaporkan menjadi mangsa jenayah siber setahun, lebih daripada 1.5 juta pengguna menjadi mangsa sehari dan 18 orang menjadi mangsa sesaat. Manakala sebanyak 232.4 juta identiti pengguna terdedah dalam rangkaian sosial (GO-Gulf, 2013). Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia pula menunjukkan sebanyak 8,313 kes jenayah siber telah dilaporkan di negara ini sepanjang tempoh Januari hingga Oktober 2017. Statistik tersebut menunjukkan jenayah siber merupakan jenayah yang sangat serius berlaku dalam masyarakat global termasuk pengguna di Malaysia. Penyalahgunaan media sosial telah membentuk satu budaya jenayah baharu iaitu jenayah siber dalam kalangan masyarakat global (Muhamad Asyraf et al., 2013; Asiah et al., 2015; Yar, 2012).

Semua pengguna berisiko menjadi mangsa jenayah siber, namun, golongan wanita sering disasarkan sebagai mangsa (Misra, 2013; Rohani & Tan, 2012; Zulkufli & Azmi, 2019; Md. Kamruzzaman et al., 2016). Penyertaan wanita muda dalam media sosial mendedahkan mereka kepada pelbagai risiko jenayah siber. Hal ini demikian kerana, golongan wanita merupakan kelompok yang mudah terancam

¹ GO-Gulf – merupakan sebuah syarikat pembangunan web premium yang berpusat di Timur Tengah. GO-Gulf membantu badan kerajaan, pertubuhan korporat dan perniagaan dari segi transformasi digital termasuk menyediakan data berkaitan media sosial.

(*vulnerable*), dan mereka mudah terdedah kepada perkara negatif termasuk menjadi mangsa jenayah siber (Halder & Jaishankar, 2009; Rohani & Tan, 2012; Syalikha, 2017; Institute for Youth Research Malaysia, 2017).


Pendedahan wanita muda terhadap jenayah siber dipengaruhi oleh faktor tingkah laku, faktor persekitaran dan faktor individu, iaitu seperti yang dikemukakan oleh teori kognitif sosial (Bandura, 1977). Berdasarkan teori ini ketiga-tiga faktor saling berkaitan antara satu sama lain dan memberi pengaruh terhadap perlakuan seseorang termasuk tingkah laku jenayah (Green & Peil, 2009). Media sosial seperti WhatsApp, Facebook, Instagram, WeChat dan Twitter memberi ancaman kepada wanita muda antaranya disebabkan oleh fungsi media sosial yang membolehkan mereka untuk berkenalan dengan sesiapa sahaja dan seterusnya menjadi mangsa penipuan, mangsa buli dan mangsa gangguan seksual (Muhammad Adnan et al., 2017; Rohani & Tan, 2012; Halder & Jaishankar, 2009; Guan & Subrahmanyam, 2009). The National White Collar Crime Center (2011) dan Boone (2011) pula mendedahkan bahawa, media sosial menjadi 'lombong emas' kepada penjenayah yang memanfaatkan maklumat peribadi pengguna yang dikongsikan dalam media sosial. Oleh itu, kajian ini penting untuk mengkaji berkaitan jenayah siber yang berlaku terhadap wanita muda dengan meneroka tentang pengalaman dan kesan jenayah siber terhadap mereka.

1.2 Isu dan Permasalahan Kajian

Laman rangkaian sosial telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat hari ini dan ia mendorong cara baharu untuk berkomunikasi serta berkongsi maklumat. Namun, penyalahgunaan media sosial telah menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan pengguna terutamanya golongan wanita kerana mereka adalah pengguna utama media sosial dan mereka juga sangat terdedah kepada pengaruh

media sosial (Greenwood et al., 2016; Lenhart et al., 2010; Institute for Youth Research Malaysia, 2017). Media sosial membawa banyak kemudahan, namun, medium ini turut sama menyebarkan budaya jenayah siber kepada penggunanya (Shakti & Dhanoa, 2011). Penyalahgunaan media sosial membentuk satu budaya jenayah baharu, iaitu budaya jenayah siber dalam kalangan masyarakat global (Muhamad Asyraf, 2013; Aghatise, 2013; Asiah et al., 2015; Yar, 2012).

Insiden berkaitan jenayah siber di Malaysia bermula sekitar tahun 1991 apabila kerajaan mula memberi tumpuan terhadap Koridor Raya Multimedia (MSC). Menurut Kementerian Komunikasi dan Multimedia, jenayah siber mengakibatkan kerugian yang besar, iaitu sebanyak RM67.6 juta melalui 2,207 aduan di seluruh negara dalam tempoh 3 bulan pertama tahun 2019. Tiga kes jenayah siber tertinggi adalah melibatkan penipuan panggilan, penipuan belian dalam talian dan *African scam* (*Star Online*, 2019). Rajah 1.1 menunjukkan insiden jenayah siber yang berlaku di Malaysia pada tahun 2015 sehingga 2019. Laporan daripada Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT) (2020) menunjukkan bahawa berlaku pertambahan kes jenayah siber sebanyak 857 kes dari tahun 2015 hingga tahun 2019.



Rajah 1.1: Insiden Jenayah Siber di Malaysia, Tahun 2015 – 2019
(Sumber: Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT), 2020)

Negeri-negeri maju di Malaysia mencatatkan insiden jenayah siber yang tinggi. Statistik jenayah siber tahun 2019 yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan negeri Selangor paling tinggi berlaku insiden jenayah siber, iaitu sebanyak 1,897 kes. Diikuti oleh negeri Johor, iaitu sebanyak 1,374 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 1,264 kes dan negeri Pulau Pinang sebanyak 895 kes. Pemilihan negeri Pulau Pinang sebagai kawasan kajian adalah disebabkan negeri ini antara negeri yang mencatatkan kes jenayah siber yang tertinggi. Sepanjang tempoh Januari hingga Julai 2019 sebanyak 731 kes jenayah siber telah dilaporkan berlaku dan membabitkan kerugian sebanyak RM20.6 juta. Jenayah siber tertinggi sepanjang tempoh ini adalah melibatkan kes Macau Scam, penipuan cinta siber (*Love Scam*) dan penipuan e-kewangan termasuklah pembelian dalam talian. Manakala, pada tahun 2017 sebanyak 965 kes jenayah siber dilaporkan di Pulau Pinang dan meningkat kepada 1,031 kes pada tahun 2018. Jadual 1.1 menunjukkan insiden jenayah siber yang berlaku di Pulau Pinang pada tahun 2017 hingga 2019. Berdasarkan insiden jenayah siber yang berlaku di Pulau Pinang, maka pemilihan negeri Pulau Pinang adalah sangat relevan dipilih sebagai kawasan kajian.

Jadual 1.1: Insiden Jenayah Siber di Pulau Pinang, Tahun 2017 - 2019

Tahun	Jumlah Kes Jenayah Siber	Jumlah Kerugian (Juta)
2019 (Januari - Julai)	731	20.6
2018	1,031	29.7
2017	965	19.3

(Sumber: *Berita Harian Online*, 2019)

Perkembangan rangkaian media sosial menyebabkan berlaku perubahan kepada tingkah laku pengguna seperti cara berkomunikasi, cara penerimaan rakan dalam talian, cara membeli-belah dan cara perkongsian maklumat dilakukan. Berikut merupakan pengkaji yang mengkaji berkaitan tingkah laku wanita seperti menggunakan media sosial di usia muda, kerap menggunakan media sosial dan aktiviti yang dilakukan ketika menggunakan media sosial menyebabkan mereka terdedah kepada risiko jenayah siber (Albladi & Weir, 2020; Sogo, 2013; Pollack & MacIver, 2015; Yar, 2006; Qudah et al., 2019; Sheldon, 2009; Herring & Kapidzic, 2015; Neelamalar & Chitra, 2009; Guan & Subrahmanyam, 2009; Rohani & Tan, 2012). Menurut Muhamad Asyraf et al. (2013), golongan wanita menggunakan media sosial untuk empat perkara utama, iaitu perkongsian, interaksi sosial, aplikasi dalam talian dan transaksi dalam talian. Penglibatan wanita dalam talian melalui aktiviti di atas menyebabkan mereka mudah terdedah kepada risiko jenayah siber dan penjenayah siber juga mudah menyasarkan mereka sebagai mangsa (Ika Destiana et al., 2013; Andersen & Söderqvist, 2012; West, 2014; House of Lord, 2014; Boone, 2011). Tingkah laku penggunaan media sosial juga menyebabkan wujudnya masalah apabila golongan muda sudah kehilangan privasi dalam menjaga data peribadi mereka kerana semuanya dikongsikan dalam media sosial sehingga menyebabkan mereka rentan terhadap jenayah siber (Yar, 2012). Kehilangan privasi bermaksud pemaparan maklumat seperti nombor telefon, alamat rumah, alamat tempat belajar, gambar pengguna dan perkara sedang dilakukan sebagai tatapan umum. Perkara

peribadi yang dikongsikan mendedahkan wanita kepada jenayah siber kerana maklumat yang dipaparkan boleh digunakan oleh penjenayah siber untuk melakukan kegiatan jenayah mereka seperti melakukan penggodaman, membuli mangsa, melakukan penipuan dan menyamar sebagai mangsa.

Menurut Tandon dan Pritchard (2015), dilaporkan bahawa, 73 % wanita diseluruh dunia menjadi mangsa jenayah siber akibat penggunaan media sosial. Manakala, Cyber Security and Crime Division turut melaporkan sebanyak 70 peratus wanita Bangladesh yang menggunakan media sosial turut terdedah kepada jenayah siber, 57 peratus daripada mereka adalah wanita muda berusia antara 18 hingga 25 tahun (Dhaka Tribune, 2019). Kajian oleh Muhamad Asyraf et al. (2015) pula menunjukkan wanita muda mudah ditipu oleh tawaran iklan yang menarik, kurang pengetahuan tentang melakukan transaksi selamat, tidak mengetahui tentang saluran undang-undang yang diperuntukkan dan ingin memperoleh keuntungan yang mudah. Tingkah laku yang disenaraikan ini menjadi punca wanita muda mudah terdedah kepada jenayah siber. Penglibatan wanita muda dalam sosial media tidak dapat dikekang kerana medium berkenaan berperanan penting sebagai penggerak kepada sebahagian aktiviti harian mereka. Keperluan dan pergantungan wanita muda terhadap media sosial ini menyebabkan mereka berisiko untuk menjadi mangsa. Sehubungan dengan itu, kajian ini ingin meneliti apakah faktor tingkah laku wanita muda ketika menggunakan media sosial sehingga mendedahkan mereka kepada risiko jenayah siber.

Selain itu, faktor individu, iaitu sikap wanita muda ketika menggunakan media sosial menyebabkan mereka rentan terhadap jenayah siber. Berikut merupakan pengkaji yang mengkaji berkaitan sikap wanita muda seperti suka berkongsi perkara peribadi seperti gambar, berkongsi perkara yang dianggap menyeronokkan, mudah

percaya dengan iklan dan pujukan penjual di media sosial, mudah terpedaya dengan lelaki yang dikenali di media sosial dan tidak melaporkan jenayah siber yang berlaku menyebabkan wujudnya pengalaman jenayah siber terhadap mereka (Kolesar & Galbraith, 2000; Zaleha et al., 2016; CyberSecurity, 2015; Wolak et al., 2004). Kajian oleh Pew Research Center (2013) menunjukkan sebanyak 60 peratus wanita suka berkongsi gambar ke laman sosial. Aktiviti ini mendatangkan ancaman kepada wanita kerana mereka cenderung untuk menjadi mangsa godam, fitnah, makian, ugutan dan buli (Wan Hassan et al., 2015; Smith et al., 2008). Lain-lain jenayah siber yang kerap berlaku terhadap wanita telah dibincangkan oleh pengkaji terdahulu seperti menjadi mangsa kecurian identiti, mangsa kecurian maklumat peribadi, mangsa penggodaman, mangsa penipuan pembelian dalam talian, mangsa gangguan seksual, mangsa rogol kenalan laman sosial, mangsa penyebaran gambar lucah dan mangsa *African scam* (Jain et al., 2012; Reznik, 2013; Boone, 2011; Rohani & Tan, 2012; Zulkufli & Azmi, 2019; Finklea & Theohary, 2015; The National White Collar Crime Center, 2011).

Faktor persekitaran juga memainkan peranan dalam mempengaruhi tingkah laku dan pengalaman jenayah siber wanita muda. Faktor persekitaran, iaitu rangkaian sosial membuka ruang kepada pengguna untuk berinteraksi dengan orang ramai seperti keluarga, rakan dan dapat membina hubungan baharu dengan pengguna lain (Boyd, 2007). Aktiviti berbual dalam talian (*chatting*) merupakan salah satu aktiviti popular masa kini (Neelamalar & Chitra, 2009). Interaksi yang berlaku ini membuka ruang kepada golongan wanita untuk berkenalan dengan sesiapa sahaja termasuk dengan orang yang tidak dikenali. Aktiviti ini menyebabkan wanita muda mudah menjadi mangsa jenayah siber melalui perkenalan terutamanya dengan golongan lelaki. Selepas perkenalan di laman sosial, penjenayah siber akan memujuk mangsa

untuk membina hubungan cinta dengan mereka sebelum melakukan tindakan jenayah. Menurut Noor Aziah (2014), perkenalan dengan lelaki di media sosial menyebabkan golongan wanita menjadi mangsa gangguan seksual, mangsa fitnah dan mangsa penipuan sehingga menyebabkan kerugian dari segi harta benda dan wang ringgit. Oleh itu, kajian ini ingin meneroka tentang pengalaman jenayah siber yang berlaku terhadap golongan wanita muda melalui penggunaan media sosial.

Pengalaman jenayah siber terhadap wanita muda meninggalkan kesan yang akan diterokai dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana, jenayah siber meninggalkan kesan yang berbeza bagi setiap orang. Kajian tentang kesan jenayah siber terhadap mangsa dibincangkan oleh pengkaji terdahulu seperti Wan Hassan et al. (2015); Bridging Refugee Youth & Children Service, (2009); Omoteso (2010) dan Schneider et al., (2013) yang menjelaskan jenayah siber meninggalkan kesan negatif terutamanya dari sudut psikologi seperti sedih, murung, takut, menjadi pemarah, tekanan perasaan, mengasingkan diri dari masyarakat, mudah menangis, rendah diri, bermasalah dalam hubungan sosial, menjadi cemas, tertekan, bersifat agresif, mencederakan diri dan kesan yang paling teruk sehingga ada yang membunuh diri. Kajian oleh Patchin dan Hinduja (2012) pula menjelaskan bahawa jenayah siber yang berlaku memberi kesan terhadap akademik mangsa, yang mana mangsa jenayah siber mengalami penurunan dalam prestasi akademik, kerap ponteng kelas dan menipu di dalam peperiksaan. Manakala, kajian oleh Steinkuehler & Williams (2006) pula menjelaskan jenayah siber meninggalkan kesan terhadap perhubungan. Perhubungan dalam talian dilihat sebagai bersifat tidak kekal atau "*fluid*" kerana boleh dibentuk dan dibubarkan dengan mudah mengikut keadaan tertentu (Sibona & Walczak, 2011; Steinkuehler & Williams, 2006; Siti Ezaleila, 2016). Jenayah siber yang berlaku bukan sahaja menyebabkan mangsa menderita tetapi juga melibatkan penderaan

emosi dalam kalangan ahli keluarga dan rakan rapat mangsa yang terkesan dengan jenayah tersebut (Button et al., 2014). Oleh itu, wajar dilakukan penerokaan berkaitan kesan jenayah siber yang berlaku terhadap wanita muda yang pernah menjadi mangsa.

Perbincangan di atas membawa kepada lompong kajian, iaitu kurangnya fokus secara mendalam tentang bagaimana tingkah laku penggunaan media sosial dalam kalangan wanita muda sehingga mereka berisiko untuk menjadi mangsa jenayah siber. Peranan media sosial sebagai pembuka ruang kepada wanita muda untuk terdedah kepada pelbagai jenis jenayah siber, khususnya bagi wanita muda di Malaysia masih kurang dibincangkan. Tambahan pula, wanita merupakan golongan yang rentan terhadap jenayah siber disebabkan sikap sebahagian daripada mereka yang suka memuat naik gambar, memuat naik video, memuat naik status, membuat pembelian dalam talian dan berkenalan dalam media sosial. Kajian sebelum ini kurang mendalami berkaitan pengalaman jenayah siber dan kesan yang dialami oleh wanita muda. Oleh itu, kajian ini mengisi lompong dalam penyelidikan tentang pengalaman dan kesan jenayah siber terhadap wanita muda melalui penggunaan media sosial.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada senario yang dibincangkan di atas, kajian ini berjaya menemukan tiga persoalan penting, iaitu:

- 1) Bagaimanakah tingkah laku wanita muda yang mendedahkan mereka kepada risiko jenayah siber?
- 2) Apakah pengalaman jenayah siber yang dialami oleh wanita muda Melayu di Pulau Pinang?

- 3) Apakah kesan jenayah siber kepada wanita muda?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang media sosial dan pengalaman jenayah siber dalam kalangan wanita muda Melayu di Pulau Pinang. Secara terperinci, objektif kajian ini seperti berikut:

- 1) Mengenal pasti tingkah laku yang mendedahkan wanita muda kepada risiko jenayah siber.
- 2) Mengenal pasti pengalaman jenayah siber dalam kalangan wanita muda Melayu di Pulau Pinang.
- 3) Menganalisis kesan jenayah siber kepada wanita muda.

1.5 Definisi Terma

Bahagian ini membincangkan definisi terma bagi media sosial, jenayah siber, wanita muda dan kerentanan.

1.5.1 Media Sosial

Terma media sosial umumnya merujuk kepada penggunaan berasaskan internet dan perkhidmatan mudah alih. Ia membolehkan penggunanya untuk mengambil bahagian dalam talian, mencipta profil pengguna, menyertai komunikasi dalam talian dan berhubung dengan pengguna lain yang berkongsi rangkaian yang sama. Media sosial juga dapat digunakan untuk melihat senarai hubungan yang dibuat oleh individu lain dalam sistem tersebut (Dewing, 2012; Boyd & Ellison, 2007). Media sosial seperti Facebook, MySpace, Twitter, LinkedIn dan sebagainya adalah contoh aplikasi berasaskan internet yang membina asas-asas ideologi daripada teknologi Web 2.0

yang membolehkan perkongsian kandungan dalam media sosial dilakukan (Sheedy, 2011; Sui & Goodchild, 2011).

1.5.2 Jenayah Siber

Menurut National Crime Prevention Council (2012), jenayah siber merupakan sebarang bentuk jenayah yang dilakukan dengan menggunakan internet. Jenayah siber melibatkan penipuan dalam bentuk kewangan, mencuri wang daripada akaun orang lain, pengubahsuaian kandungan atau data dalam komputer tanpa izin, pemalsuan kata laluan, mencero bohi sistem komputer orang lain tanpa izin, penggunaan identiti pengguna lain, pengedaran bahan lucah, dan perbuatan lain yang berkaitan dengan kandungan komputer (United Nations Office on Drugs and Crime, 2013; Nazaru & Jasri, 2003). Pelaku jenayah siber kebiasaannya sukar untuk dikesan kerana mereka melakukan kegiatan jenayah melalui sistem secara atas talian.

1.5.3 Wanita Muda

Wanita muda merupakan kumpulan dalam kategori belia. Rang Undang-undang (RUU) Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 telah bersetuju untuk menurunkan had umur belia daripada 15 hingga 40 tahun kepada 15 hingga 30 tahun. Pindaan RUU yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 Julai 2019 menunjukkan transisi had umur baharu bagi golongan belia di Malaysia, dan perubahan ini akan bermula secara rasmi pada akhir Disember 2021 (*Berita Harian Online*, 24 Julai 2019). Kajian ini pula hanya memfokuskan kepada wanita muda yang berusia antara 18 hingga 29 tahun sahaja untuk dikaji.

1.5.4 Kerentanan

Kerentanan merujuk kepada kemudahterancaman atau *vulnerability* terhadap sesuatu perkara atau keadaan (Shahrudin et al., 2004). Dalam kajian ini kerentanan dikaitkan dengan ciri-ciri yang ada pada seorang wanita seperti emosional, lemah, menurut arahan, pemalu, sering menjadi objek seksual dan tidak pandai membuat keputusan telah menyebabkan kerentanan wanita terhadap jenayah siber (Hadawiah, 2012; Jodie, 2018).

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Batasan kajian ini ialah hanya kepada wanita muda yang mempunyai dan menggunakan media sosial secara aktif sahaja. Kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pengguna media sosial sama ada satu jenis media sosial sahaja atau lebih. Hal ini demikian kerana, hanya pengguna media sosial sahaja mengetahui tentang keadaan sebenar sebagai pengguna media sosial.

Skop kajian dikecilkan dengan hanya memilih golongan wanita muda yang berumur 18 hingga 29 tahun sahaja untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Menurut Pew Research Center (2015), separuh daripada pengguna telefon pintar adalah golongan muda yang berusia antara 18 hingga 29 tahun, golongan umur ini merupakan kelompok yang sangat aktif menggunakan media sosial (Duggan, 2015; Perrin, 2015; Lenhart et al., 2010). Tambahan pula, golongan wanita muda dilihat lebih mendominasi penggunaan media sosial seperti Facebook (Greenwood et al., 2016).

Kajian juga hanya membataskan kepada dua buah mukim di Pulau Pinang untuk dikaji, iaitu Mukim 13 dalam daerah Timur Laut bagi mewakili kawasan bandar dan Mukim 4 dalam daerah Seberang Perai Utara bagi mewakili kawasan luar

bandar. Pemilihan dua kawasan adalah untuk menilai perbezaan tingkah laku budaya penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat bandar dan luar bandar di Pulau Pinang (kawasan kajian akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bab metodologi dan kawasan kajian).

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ia mengangkat geografi jenayah melalui jenayah siber sebagai satu fenomena tingkah laku manusia yang memberi kesan terhadap masyarakat. Isu berkaitan jenayah siber dalam penyelidikan ini untuk mendalami tentang risiko jenayah siber khususnya terhadap wanita muda melalui penggunaan media sosial. Kepentingan kajian ini juga adalah untuk memahami dengan lebih mendalam tentang bagaimana tingkah laku penggunaan media sosial dalam kalangan wanita muda sehingga mendedahkan mereka kepada risiko jenayah siber. Seterusnya untuk memahami dengan lebih mendalam tentang kejadian jenayah siber yang berlaku terhadap wanita muda. Kajian mengenai pengalaman jenayah siber penting dilakukan kerana kajian ini dapat memberi maklumat tentang jenis-jenis jenayah siber dan bagaimana jenayah tersebut berlaku kepada wanita muda. Kajian ini dapat memberi gambaran sisi sebenar kejadian jenayah siber kerana responden berkongsi pengalaman yang dialami sendiri oleh mereka dan kenalan terdekat.

Peningkatan jumlah kes jenayah siber yang berlaku saban hari menjadikan penyelidikan berkaitan jenayah siber sangat penting untuk dikaji. Tambahan lagi, di Malaysia bidang berkaitan jenayah siber terhadap golongan vulnerable masih kurang dibincangkan. Oleh itu, kajian ini dapat mengumpul maklumat mengenai insiden jenayah siber dan faktor-faktor yang mendedahkan wanita muda kepada risiko jenayah siber. Perbincangan berkaitan tingkahlaku pengguna, aktiviti yang dilakukan ketika menggunakan media sosial, insiden jenayah siber yang berlaku dan kesan

terhadap jenayah siber memberi maklumat penting terhadap perkembangan ilmu geografi manusia, geografi sosial dan geografi jenayah.

Kajian juga dapat menyumbang kepentingan terhadap kefahaman masyarakat tentang jenayah siber yang berlaku, kerentanan wanita terhadap jenayah dan kesan jenayah siber kepada mangsa. Maklumat dan data yang diperolehi melalui kajian ini penting kepada pembuat dasar dan agensi yang bertanggung jawab dalam memerangi insiden jenayah siber sama ada di peringkat lokal atau global.

1.8 Organisasi Kajian

Pengkaji membahagikan tesis ini kepada tujuh bab. Bab pertama adalah tentang pengenalan, isu dan permasalahan, persoalan, objektif, skop dan batasan kajian, kepentingan serta organisasi kajian.

Bab dua menyorot tentang kajian literatur tentang media sosial dan kaitannya dengan jenayah siber. Bab ini bermula dengan sorotan berkaitan penggunaan media sosial di dunia, penggunaan media sosial di Malaysia dan penggunaan media sosial mengikut kawasan. Seterusnya bab ini menghuraikan berkaitan statistik jenayah siber di Malaysia, Pulau Pinang dan terhadap wanita. Bab ini juga memberi penerangan berkaitan jenayah siber yang kerap berlaku terhadap golongan wanita antaranya melibatkan penipuan, penggodaman dan gangguan siber. Isu berkaitan kerentanan wanita muda terhadap jenayah siber turut dibincangkan dalam bahagian ini. Terdapat dua teori yang dikemukakan dalam bab dua, iaitu teori kognitif sosial dan teori kebergantungan media. Berdasarkan sorotan yang dilakukan dan teori yang dikemukakan dalam kajian, kerangka konsep kajian dibina bagi menjelaskan tentang kajian yang ingin dilakukan.

Bab ketiga pula membincangkan tentang kaedah kajian yang digunakan dan kawasan kajian yang dipilih. Dalam kajian ini, terdapat dua kawasan kajian yang

dipilih, iaitu Mukim 13 bagi mewakili kawasan bandar dan Mukim 4 bagi mewakili kawasan luar bandar. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mengkaji berkaitan tingkah laku wanita muda ketika menggunakan media sosial dan kaitannya dengan risiko jenayah siber. Kajian ini juga menggunakan borang kaji selidik untuk mendapatkan data wanita muda yang menggunakan media sosial seperti data demografi responden, data tingkah laku penggunaan media sosial dan data pengalaman jenayah siber. Di samping itu, temu bual mendalam turut dilakukan terhadap responden yang pernah menjadi mangsa jenayah siber sahaja. Data daripada borang kaji selidik dianalisis menggunakan analisis deskriptif, kod semula dan penjadualan silang. Manakala data melalui temu bual secara mendalam pula dianalisis menggunakan analisis kandungan.

Bab keempat pula merupakan bab perbincangan untuk menjawab objektif pertama kajian, iaitu berkaitan tingkah laku yang mendedahkan wanita muda kepada risiko jenayah siber. Antara perkara yang dihuraikan dalam bab ini seperti demografi responden, keterdedahan responden terhadap pelbagai jenis media sosial, kekerapan responden menggunakan media sosial, aktiviti responden ketika mengakses media sosial dan tingkah laku penerimaan kenalan baharu di media sosial.

Bab keelima pula akan menjawab objektif kedua kajian, iaitu berkaitan jenayah siber yang berlaku dalam kalangan wanita muda. Perkara yang dibincangkan dalam bab ini ialah tentang pengalaman responden dan kenalan terdekat dalam jenayah siber. Jenayah siber yang dialami oleh responden dibincangkan mengikut klasifikasi yang dikeluarkan oleh MyCert.

Bab keenam pula akan menjawab objektif ketiga kajian, iaitu menganalisis kesan jenayah siber terhadap wanita muda dan langkah yang diambil oleh mereka untuk mengelak daripada terus menjadi mangsa jenayah siber.

Bab ketujuh ialah bab penutup. Dalam bab ini, perkara yang dibincangkan adalah rumusan hasil kajian, implikasi teori dan konsep, sumbangan hasil kajian, cadangan polisi berkaitan jenayah siber terhadap wanita muda dan cadangan penyelidikan lanjutan.

1.9 Kesimpulan

Bab ini merupakan pengenalan terhadap rangka penyelidikan yang menggambarkan secara umum idea keseluruhan kajian. Dalam bab ini juga, menghuraikan berkaitan latar belakang pemilihan topik kajian, isu dan permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi terma dan skop kajian sebagai teras dalam mencapai objektif kajian. Di samping itu, bab ini turut menghuraikan secara ringkas tentang kepentingan kajian dan organisasi bab yang terkandung dalam tesis ini.

BAB 2

MEDIA SOSIAL DAN JENAYAH SIBER

2.1 Pengenalan

Bab ini pada peringkat awalnya menyorot berkaitan penggunaan media sosial di dunia, Malaysia dan dalam kalangan wanita. Sorotan berkaitan penggunaan media sosial dapat memberi maklumat awal berkaitan trend penggunaan media sosial dalam kalangan pengguna. Bab ini juga menyorot berkaitan insiden jenayah siber bagi meneliti jenis-jenis jenayah yang berlaku terutamanya kepada golongan wanita. Tingkah laku berkaitan penggunaan media sosial juga disorot dalam bab ini bagi menilai tindakan pengguna ke arah risiko jenayah siber. Pengalaman jenayah siber terhadap wanita juga disorot melalui kutipan data di Akhbar Berita Harian tahun 2017. Sementara itu, kesan jenayah siber kepada mangsa turut dibincangkan dalam bab ini. Bab ini juga akan menjelaskan berkaitan teori yang dipilih dalam kajian, iaitu teori kognitif sosial dan teori kebergantungan media. Sorotan yang dilakukan menjadi asas kepada kerangka konsep kajian ini.

2.2 Manfaat Media Sosial

Kemunculan media sosial menjadikan perhubungan dalam talian semakin pesat dan memuncak kerana terdapat pelbagai manfaat yang ada pada media sosial. Ciri-ciri yang menarik dan kepelbagaian fungsi media sosial menarik minat pengguna untuk menggunakannya. Manfaat yang ada pada media sosial membawa perubahan ke arah penyertaan masyarakat daripada bersemuka kepada persekitaran dalam talian. Antara manfaat penting media sosial adalah untuk berhubung, mendapatkan maklumat dan menjalankan urusan penjualan atau pembelian dalam talian.

Media sosial menjadi pilihan pengguna kerana menyediakan ruangan untuk berinteraksi dan mengeratkan hubungan dengan rakan lama dan mencari kenalan baharu (Sheldon, 2009; Herring & Kapidzic, 2015). Menurut Sawyer dan Chen (2012), orang ramai menggunakan media sosial untuk pelbagai perkara, namun sebab yang utamanya adalah untuk berinteraksi dengan pengguna lain. Kehadiran media sosial menyebabkan interaksi² dan perhubungan³ menjadi lebih pesat, iaitu interaksi boleh dilakukan sama ada secara individu atau dalam bentuk kumpulan. Pengguna juga boleh menubuhkan beberapa kumpulan berbeza dan berinteraksi dengan ramai orang dalam satu masa seperti berkomunikasi dengan kumpulan keluarga, kumpulan rakan dan kumpulan sekerja secara serentak (Ulrika, 2013). Komunikasi secara atas talian boleh dilakukan dengan cara menghantar dan menerima pesanan berbentuk teks, gambar, audio dan video tanpa had (Johari & Raja Shahrina, 2012; Mohamed Nazul et al., 2014; House of Lord, 2014). Pesanan yang dimuat naik atau dimuat turun dapat menarik pengguna lain untuk saling memberi dan membalas komen (Cheng et al., 2014). Cara ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara keluarga dan rakan serta meningkatkan interaksi antara mereka (Common Sense Media, 2012; McGrath, 2012; Herring & Kapidzic, 2015).

Selain itu, Rangkaian sosial telah menjadi tempat tumpuan masyarakat untuk menyampaikan dan berkongsi maklumat. Orang ramai menggunakan ruangan ini untuk berkongsi pelbagai perkara menerusi pesanan mesej sama ada dihantar terus kepada pengguna lain atau memaparkan maklumat tersebut di akaun media sosial

² Interaksi membawa maksud tindakan atau perhubungan aktif antara satu pihak dengan pihak lain, tindak balas antara dua atau beberapa pihak (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2017).

³ Komunikasi atau perhubungan membawa maksud komunikasi yang dilakukan secara langsung atau dengan perantaraan melalui surat, radio, telefon, media sosial dan lain-lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2017).

mereka. Maklumat juga disampaikan melalui panggilan video/*video call*, panggilan suara/*voice call*, bilik sembang/*chat room*, E-mel dan sebagainya (Malar, 2012). Bahan berita yang dikongsi akan diterima pengguna lain yang menggunakan rangkaian sama. Pengguna media sosial juga dapat menerima maklumat dengan lebih cepat dan pantas berbanding penggunaan media bentuk lama seperti akhbar dan majalah. Dengan adanya aplikasi ini orang ramai tidak perlu lagi membeli surat khabar kerana semuanya boleh didapati secara percuma melalui internet (Rushdina & Hasnah, 2014). Oleh itu, perkembangan media sosial mempengaruhi cara orang ramai mendapatkan maklumat dan cara berkongsi maklumat (Bakshy et al., 2012).

Di samping itu, media sosial juga berperanan penting sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti penjualan dan pembelian dalam talian. Aktiviti tersebut juga menjadi satu gaya hidup baharu bagi pengguna internet di Malaysia terutamanya dalam kalangan muda (*Majalah Niaga*, 2013). Kemudahan yang disediakan menjadi platform terbaik kepada para peniaga untuk berkomunikasi dengan pelanggan. Antaranya, gambar dan testimoni produk yang dipamerkan dapat menarik minat pelanggan (Kolesar & Galbraith, 2000; Zaleha et al., 2016). Peniaga juga boleh mendapatkan maklum balas secara terus daripada pelanggan untuk menambah baik segala kekurangan produk mereka (Rushdina & Hasnah, 2014). Media sosial seperti Facebook, Instagram dan Blog banyak mempamerkan barangan keperluan harian pengguna. Oleh sebab itu, media sosial menjadi tempat membeli-belah popular dan fleksibel terutamanya bagi mereka yang sibuk bekerja atau tidak ada masa untuk mengunjungi pusat membeli-belah, pasar raya dan premis perniagaan. Aktiviti membeli-belah dalam talian tidak terhad kepada pakaian dan aksesori sahaja, malah pelbagai barangan dan perkhidmatan boleh didapati seperti barangan kesihatan,

barangan dapur, perkakasan elektrik, pakaian murah dan berjenama, kasut dan berbagai lagi.

Kemunculan laman web gergasi seperti Lazada, Shopee, 11street, Lelong, Mudah.com, Zalora, Hermo, Go shop, eBay dan banyak lagi telah meningkatkan aktiviti penjualan dan pembelian dalam talian. Menurut kajian oleh OpenMindsResources.com, sebanyak 29% daripada pengguna internet di Malaysia lebih suka menghabiskan masa sekurang-kurangnya 1 hingga 2 jam untuk membeli-belah di internet. Antara barangan yang biasa dibeli ialah pakaian dan barangan hiasan, barangan elektronik, barangan komputer dan buku (*Majalah Niaga*, 2013). Manfaat yang diperolehi melalui pembelian dalam talian seperti membuka peluang kepada pembeli untuk mendapat barangan yang tidak dijual di negara ini secara eksklusif, membolehkan pengguna memiliki barangan edisi terhad dan mendapatkan barangan yang diinginkan dengan harga lebih murah. Selain itu juga, pembeli boleh melihat barangan yang ingin dibeli, membuat perbandingan dari segi harga, kualiti dan jenama sebelum membuat tempahan (Farhan et al., 2015).

Golongan wanita dilihat lebih cenderung untuk melakukan pembelian dalam talian berbanding dengan golongan lelaki. Pada awal kemunculan fenomena membeli-belah dalam talian golongan wanita takut untuk mencubanya, namun kini fenomena ini menjadi trend yang diminati oleh golongan wanita (Kumar & Singh, 2014). Aktiviti membeli-belah dalam talian dilakukan tanpa mengira masa dan tempat (Farhan et al., 2015). Wanita muda yang berumur 15 hingga 30 tahun merupakan pengguna yang paling kerap dilaporkan membuat belian secara atas talian. Mereka memilih untuk membeli dalam talian disebabkan kemudahan dari segi masa, keperluan segera terhadap barangan yang diperlukan dan masa penghantaran yang fleksibel (Roa et al., 2018).

Kesimpulannya, media sosial menjadi pemudah cara kepada pelbagai aktiviti masa kini khususnya sebagai alat perhubungan, keperluan menyelesaikan tugas harian, bersosialisasi dan membeli belah. Media sosial kini telah menjadi satu alat keperluan kepada setiap orang kerana banyak urusan yang dilakukan menggunakan medium berkenaan. Namun begitu, teknologi ini juga turut membawa pengguna kepada persekitaran negatif, khususnya jenayah siber sekiranya ia tidak digunakan dengan cara berhemah.

2.3 Penggunaan Media Sosial

Bahagian ini membincangkan tiga perkara, iaitu i) penggunaan media sosial di dunia ii) penggunaan media sosial di Malaysia dan iii) penggunaan media sosial dalam kalangan wanita.

2.3.1 Penggunaan Media Sosial Di Dunia

Media sosial sangat popular dalam kalangan masyarakat global tanpa mengira peringkat umur, kelas ekonomi, bangsa, jantina dan sempadan negara. Populariti media sosial telah menjadikan medium ini sebagai alat perhubungan penting di seluruh dunia. Jumlah pengguna media sosial di seluruh dunia pada tahun 2017 sangat ramai iaitu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Penggunaan Media Sosial Di Dunia Pada Tahun 2007

Benua	Bilangan Populasi (Juta)	Bilangan Pengguna Aktif Media Sosial (Juta)	Peratus (%)
Afrika	1,231	170	13.8
Amerika	1,006	599	59.5
Eropah	839	412	49.1
Timur Tengah	246	93	37.8
Asia Pasifik	4,153	1,514	36.5

(Sumber: Kemp, 2017)

Berdasarkan Jadual 2.1, bilangan pengguna aktif media sosial paling banyak adalah di benua Amerika, sebanyak 59.5 peratus daripada jumlah populasi penduduknya. Manakala sebanyak 49.1 peratus penduduk di Eropah merupakan pengguna aktif media sosial. Di Timur Tengah sebanyak 37.8 peratus pengguna aktif, di Asia Pasifik sebanyak 36.5 peratus dan pengguna media sosial yang paling rendah adalah di benua Afrika, iaitu sebanyak 13.8 peratus daripada jumlah populasi penduduknya.

Kebanyakan pengguna mengakses internet dan media sosial dengan menggunakan telefon pintar. Pada tahun 2017 terdapat 2.917 bilion pengguna telefon pintar dan jumlah tersebut meningkat kepada 5.135 bilion pada tahun 2018 (Kemp, 2017; Kemp, 2018). Menurut Lenhart et al. (2010) dan Madden et al. (2013) kebanyakan pengguna memilih menggunakan telefon pintar semasa mengakses media sosial berbanding gajet yang lain. Manakalam menurut Jesse (2015) pula, telefon pintar memberi kelebihan kepada pengguna untuk menyemak laman sosial mereka di mana-mana sahaja tanpa mengira masa dan mereka tidak perlu menghadap skrin komputer. Perkara ini menunjukkan bahawa, internet dan media sosial sudah menguasai hampir semua kawasan di dunia dan medium ini membuka dimensi baharu kepada cara perhubungan dalam kalangan masyarakat dunia.

Rajah 2.1 pula menunjukkan jumlah pengguna aktif bagi beberapa jenis media sosial popular di dunia. Rangkaian media sosial popular yang disenaraikan mempunyai sangat ramai pengguna di seluruh dunia. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh The Statistics Portal (2019), Facebook, YouTube, WhatsApp, Facebook Messenger, WeChat dan Instagram adalah media sosial paling banyak digunakan dan mencapai sehingga 1,000 juta pengguna dan lebih pada bulan Julai 2019. Facebook mencatatkan bilangan pengguna paling ramai, iaitu 2,375 juta pengguna aktif. Capaian terhadap YouTube sehingga 2,000 juta pengguna, WhatsApp 1,600 juta pengguna, Facebook Messenger 1,300 juta pengguna, WeChat 1112 pengguna dan Instagram 1,000 juta pengguna (The Statistics Portal, 2019). Jumlah pengguna yang tinggi ini menunjukkan bahawa media sosial menjadi platform budaya popular yang mudah diterima oleh orang ramai. Menurut United Nation Office on Drugs and Crime (2013) pada tahun 2011, terdapat sekurang-kurangnya 2.3 billion orang atau bersamaan lebih satu pertiga jumlah penduduk dunia yang mempunyai akses terhadap capaian internet.